



**PERUTUSAN DATUK BANDAR  
MESYUARAT MAJLIS BIL. 11/2022  
24 NOVEMBER 2022 (29 RABI'UL AKHIR 1444H)**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah SWT di atas segala nikmat kurniaan yang diberikan kepada kita semua. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, kaum kerabat baginda, sahabat-sahabat baginda dan bagi mereka yang mencontohi baginda sehingga hari kiamat.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang sentiasa bekerjasama dengan saya dalam memberikan sokongan dan komitmen kepada Majlis bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Dalam menghadapi arus globalisasi masa kini, Pihak Berkuasa Tempatan bukan sahaja berdepan dengan proses pembangunan perbandaran, malah ianya juga berdepan dengan ekspektasi penduduk yang semakin tinggi terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.

Sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis perlu sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan penduduk. Justeru, saya berharap agar perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan Majlis adalah yang terbaik dan secara langsung mencerminkan kualiti,

ketelusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan secara keseluruhannya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

2. Sambutan bulan integriti disambut pada 5 November setiap tahun, bermula sejak tahun 2005 lagi di seluruh negara. Sambutan bulan integriti mencakupi amalan menyemai budaya integriti, budaya amanah, prinsip keadilan dan amalan bermusyawarah dalam membina akhlak mulia seluruh rakyat Malaysia. Ia merupakan antara usaha pemerksaan dan pembudayaan integriti dan tadbir urus baik di Malaysia.

Sehubungan itu, budaya integriti perlu dipupuk di kalangan setiap warga kerja Majlis dan lapisan masyarakat. Ianya merangkumi setiap aspek kehidupan agar dapat memberi kesan kepada individu, komuniti, organisasi dan negara. Memperkasakan pendidikan integriti yang berteraskan aspek kejujuran, akauntabiliti, tanggungjawab dan sikap saling menghormati akan memastikan masa depan yang mampan untuk generasi akan datang.

Sempena sambutan bulan Integriti 2022, Majlis Bandaraya Petaling Jaya melaksanakan pelbagai program sepanjang bulan November ini bagi tujuan memantapkan pembudayaan nilai-nilai tadbir urus, integriti dan anti rasuah. Antara program yang direncanakan ialah penganjuran kuiz bulan integriti, bengkel integriti dalam perolehan, bengkel pengurusan kewangan dan kredit bersama pihak Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK), organisasi bebas dadah bersama AADK, ceramah integriti dalam pekerjaan cerminan peribadi dan ikrar bebas rasuah peringkat Majlis.

Majlis juga menzahirkan komitmen dan kebertanggungjawaban dalam usaha memperkasakan pembudayaan dan pengamalan integriti dan tadbir urus terbaik dalam organisasi dengan membangunkan Pelan Antirasuah MBPJ (OACP) dan menuju pensijilan, *Anti Bribery Management System* (ABMS), ISO 37001 menjelang awal tahun 2023.

Semoga sambutan bulan Integriti pada tahun ini akan terus menyemarakkan semangat pembudayaan nilai integriti warga kerja Majlis seterusnya berupaya meningkatkan reputasi perkhidmatan perbandaran yang baik dan merealisasikan MBPJ sebagai organisasi yang berintegriti dan bebas rasuah.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

3. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima dua kategori utama iaitu tempat pertama bagi pencapaian khas iaitu Pencapaian Terbaik SDG11 (*Sustainable Cities and Communities*) menerusi pencapaian dalam indikator MURNInets kategori bandar raya. Pencapaian ini adalah berdasarkan 13 indikator yang di ambil kira dan dinilai seperti peratusan penyediaan rumah mampu milik, indeks kebahagian, bilangan pengangkutan awam bersepadu dan lain-lain. Majlis turut mendapat anugerah Penghargaan Bandar Mampan 2022 di tempat kedua daripada 127 PBT yang dinilai bagi Kategori Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf bandar raya sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2022 yang berlangsung pada 8 November yang lalu.

Ianya merupakan satu pencapaian kepada Majlis dan syabas saya ucapkan kepada barisan ahli-ahli jawatankuasa mesyuarat kerana sentiasa menyumbangkan idea yang berasas, dasar, polisi serta hala tuju ke arah aspek kemampunan bandar.

Untuk makluman semua, permarkahan bandar mampan ini juga berdasarkan pengukuran bandar mampan MURNInets yang dinilai berdasarkan 6 dimensi utama iaitu Ekonomi Berdaya Saing, Kualiti Alam Sekitar, Komuniti Sejahtera, Guna Tanah dan Sumber Asli Optimum, Infrastruktur dan Pengangkutan Efisien dan Urustadbir Efektif.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan untuk terus beriltizam dalam menawarkan dan memberikan perkhidmatan perbandaran yang cekap, efisyen dan berkesan selaras dengan ekspektasi tinggi daripada pemegang taruh dan penduduk Petaling Jaya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

4. Tahniah dan syabas diucapkan kepada pasukan *Tenmins Squadron* dari Jabatan Kejuruteraan MBPJ dan *Heuristik* dari Unit Teknologi Maklumat di atas anugerah *gold* yang diterima di *International Convention On Quality Control Circles 2022*, Jakarta, Indonesia pada 15 hingga 18 November 2022 yang lalu.

Selain kedua-dua pasukan yang mewakili Majlis Bandaraya Petaling Jaya ini, pertandingan ini turut disertai sejumlah 1300 kumpulan yang bertanding dan seramai 3500 orang peserta yang hadir secara bersemuka. Selain dari Malaysia, sebanyak 8 buah negara yang menyertai pertandingan ini iaitu India, Indonesia, Singapura, Thailand, Zambia, Sri Lanka dan Bangladesh.

Pada pertandingan tersebut, pasukan yang mewakili Majlis Bandaraya Petaling Jaya ini membawa idea projek yang kreatif sehingga dianugerahkan *gold* iaitu bagi projek Pengurusan Buku Rawatan Panel

**MBPJ Kurang Efisien – Sistem ePanel Klinik MBPJ dan *Hump-Fit – Brilliant Road Hump Standardization Measuring Device*.**

Secara keseluruhan, sebanyak 64 kumpulan yang mewakili Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Bagi PBT Selangor pula, pertandingan ini turut disertai oleh MBSA, MBSJ, MPAJ, MPSepang dan MPHS.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

5. Untuk makluman semua, hala tuju Bajet 2023 adalah ke arah usaha-usaha untuk menambah nilai tinggi kepada ekonomi bandar dan hasil Majlis serta menyokong *Blueprint Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdayatahan 2030, PJSSR 2030* yang meliputi Alam Sekitar, Habitat Berdayahuni, Ekonomi Vibran, Komuniti Mampan dan Urustadbir Baik. Hala tuju ini akan terus didokong demi untuk memberikan kehidupan yang sejahtera kepada penduduk. Selaras dengan hasrat tersebut, tema Bajet 2023 Majlis yang dipilih adalah “***Merangsang Ekonomi, Mensejahtera Komuniti***”.

‘***Merangsang Ekonomi***’ bermaksud Majlis sebagai pihak berkuasa tempatan atau moderator berperanan penting membantu merealisasi serta merancakkan semula pembangunan ekonomi Petaling Jaya berdasarkan komuniti dan sosial melalui pemerkasaan program-program yang telah disusun setelah endemik.

Antara program-program yang akan dilaksanakan adalah transformasi aktiviti industri kepada perkhidmatan dan perdagangan memberi impak kepada asas ekonomi melalui Rancangan Kawasan Khas (RKK) Seksyen 51, Seksyen 51A dan Seksyen 19 Petaling Jaya serta permintaan daripada pemilik-pemilik tanah untuk menukar zon

gunatanah berdasarkan keperluan keadaan semasa tapak dan potensi pembangunan serta pembangunan ekonomi yang mempengaruhi perubahan guna tanah melalui penyediaan Draf Rancangan Petaling Jaya 1 (Pengubahan 5) dan Petaling Jaya 2 (Pengubahan 4).

Selain itu, perancangan ‘kelas kegunaan tanah’, kajian-kajian dan kajiselidik berkaitan Rancangan Pemajuan juga akan dilaksanakan. Pengezonan semula kawasan perumahan kepada limited komersial, pembangunan pusat-pusat penjaja baru yang akan disusun secara tahunan. Penjanaan pendapatan golongan B40 di Petaling Jaya akan dipermudahcarakan atau di *facilitate* seperti melonggarkan syarat permohonan lesen perniagaan kepada peniaga kecil dan sederhana. Selain itu, aktiviti-aktiviti menjana pendapatan khususnya kepada golongan OKU dan projek pembangunan usahawan seperti penjenamaan semula gerai-gerai Majlis akan dilaksanakan pada tahun 2023 dengan matlamat ke arah pembasmian kemiskinan bandar.

**‘Mensejahtera Komuniti’** pula bermaksud matlamat yang ingin dicapai oleh Majlis terhadap penduduk apabila program-program merangsang pembangunan ekonomi dapat dinikmati oleh seluruh penduduk Petaling Jaya. Ini kerana kesejahteraan yang dinikmati oleh penduduk merupakan elemen utama dalam menentukan tahap pembangunan sesebuah komuniti. Konsep kesejahteraan komuniti menjelaskan strategi merubah sesebuah komuniti berdasarkan pendekatan yang berkaitan dengan aspek pengurusan masalah sosial, peningkatan aktiviti ekonomi bagi memenuhi keperluan hidup, pengurangan isu pengangguran dan penyediaan peluang mobiliti sosial dalam komuniti.

Majlis bermatlamat untuk menyediakan komuniti dengan keadaan persekitaran yang selamat, merasai kepuasan menyeluruh terhadap keperluan asas bandar yang disediakan dan memaksimumkan peluang

mobiliti sosial. Dengan program-program yang telah dicadangkan pada tahun 2023, Majlis berharap dapat membantu penduduk merasa harmoni dan sejahtera dalam menjana pendapatan, dapat berkongsi amalan budaya, norma serta nilai yang sama yang seterusnya akan memberi kesan positif ke atas kesejahteraan komuniti Petaling Jaya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

6. Majlis Bandaraya Petaling Jaya sekali lagi akan menganjurkan Festival Kesenian Rakyat Antarabangsa Petaling Jaya atau lebih dikenali sebagai *Petaling Jaya International Folklore Festival* yang kini telah memasuki edisi ke-7. Festival ini akan diadakan selama seminggu bermula pada 28 November hingga 4 Disember 2022, bertempat di dataran Petaling Jaya dan pusat bandar, seksyen 52, Petaling Jaya.

Penganjuran festival ini adalah bertujuan untuk mempromosikan bandar raya Petaling Jaya khususnya dan negeri Selangor serta Malaysia amnya sebagai sebuah kota seni dan destinasi pelancongan antarabangsa dengan mengetengahkan kepelbagaiannya, keunikan dan keharmonian kesenian rakyat dan budaya komuniti tempatan dan antarabangsa.

Selain itu juga, ianya telah diklasifikasikan sebagai projek kebudayaan antara kerajaan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia sejak tahun 2013 lagi dan pada tahun 2018, ianya telah diiktiraf sebagai program pertukaran kebudayaan antarabangsa.

Untuk pengetahuan semua, sejarah penganjuran festival ini adalah merupakan sebuah program yang dirangka oleh Majlis bagi menghidupkan semula pusat bandar di seksyen 52 dan sebagai usaha membangunkan bandar raya Petaling Jaya sebagai *city with soul*. Ia

juga memfokuskan kepada usaha mewujudkan ruang awam berfungsi bagi mewujudkan interaksi sosial di kalangan penghuni bandar. Rentetan daripada penganjuran ini, festival ini telah membuka dimensi baharu dengan menampilkan kepelbagaiannya serta keunikan budaya setiap negara dan negeri yang merangkumi aspek kepercayaan, ilmu dan tamadun yang akan dipertontonkan dalam setiap persembahan kebudayaan.

Untuk edisi kali ini, pelbagai acara menarik bakal disediakan antaranya adalah persembahan kebudayaan dan pameran busana tradisional dari 8 buah negara dan 10 buah negeri di Malaysia. Antara negara-negara yang telah mengesahkan penyertaan mereka adalah Indonesia (Bandung dan Kalimantan), Korea Selatan, Filipina, Thailand, Mexico, Sri Lanka, Jepun dan Uzbekistan serta negeri Selangor, Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Pulau Pinang, Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Selain itu, festival ini turut menyediakan pelbagai lagi aktiviti dan acara yang menarik antaranya *Asian Food Festival*, *PJ Fight Night*, Pertandingan Busana Tradisional Melayu, Pertandingan Tarian Bestari PJ, Pameran Artifak Orang Asal di Muzium Petaling Jaya, Permainan Tradisional Rakyat, Rumah Seni Selangor, Konsert Evolusi PJ, wayang kulit, dikir barat, pertunjukan bunga api dan lain-lain lagi.

Selaras dengan *blueprint* Petaling Jaya pintar, mampan dan berdaya tahun 2030 (PJSSR 2030), penganjuran *PJ International Foklore Festival* ini juga menunjukkan komitmen berterusan dari Majlis untuk meneruskan agenda pembangunan sektor pelancongan di Petaling Jaya, Selangor dan Malaysia amnya.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

7. Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu epid ke 46/2022 adalah sebanyak 81 kes direkodkan, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 3,471 kes yang dilaporkan ini. Berdasarkan kes yang dilaporkan ini, menunjukkan peningkatan sebanyak 21 peratus daripada jumlah kes pada minggu sebelumnya iaitu 67 kes.

Bagi jumlah lokaliti wabak pula, sejumlah 34 lokaliti dicatatkan, manakala lokaliti wabak aktif pada minggu epid ke 45 pula adalah sejumlah 11 lokaliti. 1 wabak baru dilaporkan, 4 lokaliti wabak tak terkawal dilaporkan dan sebanyak 6 lokaliti wabak *hotspot* direkodkan. Untuk makluman semua, tiada kes kematian baru yang dilaporkan.

Berdasarkan dengan situasi ini, Majlis ingin mengingatkan kepada orang ramai agar sentiasa menjaga kebersihan di dalam dan di persekitaran rumah masing-masing dan mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya bagi mengelakkan pembiakan nyamuk aedes. Komitmen, peranan dan kerjasama semua pihak amat ditagih dalam meningkatkan kualiti kesedaran tentang wabak.

**Sekian, terima kasih.**